

16/08/1999

Usahawan Malaysia ubah nasib 360 penduduk Khabarovsk

KHABAROVSK (Russia), Ahad - Kehadiran satu-satunya syarikat Malaysia melabur di sini, sedikit sebanyak dapat mengubah taraf hidup dan cara bekerja sekumpulan 360 penduduk di ibu kota ini.

Semuanya bermula dua tahun lalu apabila jutawan balak Sarawak, Tan Sri Tiong Hiew King, 64, membuat keputusan untuk menyertai operasi pembalakan menerusi syarikat miliknya, Kumpulan Rimbunan Hijau Sdn Bhd.

Walaupun mengetahui risikonya adalah besar untuk melabur di Russia, tokoh perniagaan veteran itu tetap tabah dan berani datang ke negara bekas Soviet Union.

Baginya, apalah sangat ditakuti pada risiko kerana ia sebahagian asam-garam dalam perniagaan. Lagipun, pembalakan bukan suatu yang baru bagi Hiew King, yang juga Pengarah Urusan Rimbunan Hijau.

Berbekalkan sedikit maklumat beberapa kenalan rapatnya, tauke balak itu menghidu potensi pelaburan di Khabarovsk, wilayah autonomi yang terletak di Timur Jauh, Russia.

Selepas membuat kajian daya maju, Rimbunan Hijau serta merta memasuki tender pembalakan di sini pada 1997. Berdasarkan rekod perniagaannya yang cemerlang dan banyak pengalaman melabur di seberang laut, kumpulan itu berjaya mendapatkan kontrak pembalakan selama 49 tahun selepas bersaing dengan beberapa syarikat terkemuka dari Jepun dan Amerika Syarikat.

Kini kumpulan itu menerusi anak syarikatnya, Rimbunan Hijau Far East Co Ltd, dianugerah kontrak menebang dan memproses balak secara berperingkat di kawasan seluas 600,000 hektar, kebanyakannya spesies kayu lembut terutama pokok pine.

Jumlah itu adalah kira-kira dua peratus daripada keseluruhan keluasan hutan balak di negara ini.

Sudah beroperasi hampir dua tahun lalu dengan pelaburan awal AS\$15 juta (RM57 juta), Rimbunan Hijau diberi konsesi pembalakan secara pajakan, masing-masing 300,000 hektar di Pichy, di Utara Khabarovsk dan Sukpai yang terletak di Timur.

"Memang banyak halangan dan masalah komunikasi untuk melabur di sini. Tetapi saya berpegang kepada prinsip bahawa di negara mana pun kita mahu berniaga, kita perlu menyesuaikan diri dan mengikuti syarat dan kehendak mereka.

"Setakat ini, saya berpuas hati kerana semua berjalan baik walaupun kami tahu pelbagai lagi masalah besar di luar jangkaan pasti akan kami hadapi selepas tujuh atau lapan tahun beroperasi, saya masih ragu-ragu sama ada ia akan menjadi kenyataan. Tetapi ini adalah risiko biasa dalam perniagaan.

"Sebagai syarikat Malaysia yang berwibawa, saya yakin segala halangan boleh dilalui," katanya dalam temuramah dengan wartawan Malaysia di pejabat syarikat itu di sini.

Beliau mengakui, dasar pentadbiran ekonomi yang sentiasa berubah-ubah kadangkala membuat beliau takut bahawa pada akhirnya tiada ada apa yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat menerusi pelaburan di sini.

"Contohnya, dalam persetujuan awal tiada dikenakan duti eksport, tetapi selepas beroperasi, kita dikenakan duti lima peratus. Kita tidak tahu apa lagi yang akan dikenakan tetapi syarikat akan tetap cuba menyesuaikan diri," kata anak kelahiran Sibu itu yang bapanya berasal dari China.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini malam ini untuk melakukan lawatan kerja tiga hari, akan melawat pejabat itu esok

dan diberi taklimat mengenai operasi pembalakan kumpulan itu.

Rimbunan Hijau yang berpangkalan di Sibu, memiliki dua syarikat awam - Subur Tiasa Berhad dan Jaya Tiasa Berhad, terbabit dalam kegiatan pembalakan secara besar-besaran. Kumpulan itu juga mempunyai konsesi pembalakan di Papua New Guinea, China, Gabon, Amerika Latin, New Zealand dan Brazil.

Kumpulan itu juga mempelbagaikan kegiatannya dalam industri media cetak menerusi Ming Pao Holdings Limited, syarikat awam di Hong Kong yang menerbitkan akhbar berbahasa China. Kumpulan itu juga menerbitkan akhbar berbahasa Cina di New York, Vancouver dan Toronto, Kanada.

Setakat ini, kumpulan itu yang turut disertai 40 rakyat Malaysia dalam operasi di Khabarovsk, sudah menebang dan memproses satu juta meter padu kayu balak iaitu kira-kira 30 peratus operasi. Jumlah pengeluaran itu akan dipertingkatkan kepada 60 peratus tahun depan.

Hiew King berkata, operasi sepenuhnya dijangka dapat dikendalikan pada tahun 2001.

(END)